



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KONVENSYEN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA 2025 WADAH SEMAI SEMANGAT PATRIOTISME DALAM KALANGAN MAHASISWA

KUALA LUMPUR, 2 Ogos – Kementerian Perpaduan Negara menerusi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah melaksanakan **Konvensyen Sekretariat Rukun Negara 2025** yang telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

SRN ditubuhkan pada tahun 2008 sebagai mekanisme utama kerajaan untuk memupuk dan memperkukuh jati diri mahasiswa dalam ekosistem perpaduan negara. **Sehingga kini, terdapat 193 buah SRN di Institusi Pendidikan Tinggi di seluruh negara.**

Konvensyen SRN 2025 berfungsi sebagai medan strategik **untuk menyatukan pemimpin Sekretariat Rukun Negara (SRN) seluruh negara dalam usaha mengukuhkan jaringan SRN, memperkasa peranan mahasiswa sebagai ejen perpaduan dan menyemarakkan aspirasi Malaysia MADANI** melalui pembudayaan Rukun Negara secara bersepadu dan berimpak tinggi.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dalam ucapannya berkata, “peranan mahasiswa sebagai ejen perubahan sosial tidak lagi bersifat pilihan, tetapi kini menjadi suatu keperluan strategik dalam memacu masa depan perpaduan negara. Mahasiswa perlu menyemai nilai faham, hormat dan terima iaitu nilai teras yang menjadi asas kepada keharmonian masyarakat majmuk”.

Selain itu, konvensyen ini turut mencadangkan **penubuhan Majlis Kepimpinan Sekretariat Rukun Negara (SRN) IPT Kebangsaan** sebagai **platform rasmi penyelarasan** antara semua institusi pengajian tinggi di Malaysia dalam usaha memperkukuh agenda perpaduan nasional di peringkat kampus.

Majlis ini bakal berperanan sebagai **wadah libat urus strategik** yang menghubungkan mahasiswa dengan kementerian serta agensi-agensi perpaduan, sekali gus memperkukuhkan **kesinambungan gerakan kenegaraan secara menyeluruh dan bersepadu** dalam kalangan generasi muda.

Konvensyen ini dihadiri oleh kira-kira 350 barisan kepimpinan SRN di seluruh negara. Pelbagai program telah diatur sepanjang konvensyen seperti Diskusi Perpaduan : Aku Negaraku, Perkongsian Amalan Terbaik SRN, Persidangan Media Sosial vs Belia Masa Kini dan Persidangan Pemerkasaan Kepimpinan SRN.

Kementerian Perpaduan Negara
2 Ogos 2025
KPN.100-9/1/16 (59)